

08/12/1998

Usaha gigih selamatkan maruah negara

RATA-RATA rakyat mengerti maksud 'menjadi hamba kepada orang asing' - satu keadaan yang perlu dielakkan. Dari segi takrifan hamba adalah satu kumpulan masyarakat yang paling rendah martabatnya. Mereka adalah masyarakat yang kehilangan maruah sebagai sebuah bangsa, boleh dipersenda dengan sewenang-wenangnya dan terpaksa mengikut segala arahan daripada 'tuan'nya. Menyedari betapa azabnya sesuatu bangsa menjadi hamba, setiap rakyat negara ini seharusnya berusaha untuk mengelakkan keadaan ini daripada berlaku. Satu bangsa yang pernah disanjung dan dihormati, jika secara tiba-tiba menjadi hamba, ia adalah satu tragedi paling besar. Kemungkinan besar, bangsa itu sukar dibangunkan semula.

Atas dasar inilah rakyat perlu sedaya upaya mengelakkan bencana yang memungkinkan mereka menjadi hamba kepada orang asing. Tanda-tanda dan percubaan kuasa tertentu untuk menghancurkan rakyat Malaysia supaya menjadi hamba kepada bangsa mereka sudah pun bermula. Buat masa ini mereka menggunakan kuasa ekonomi yang mempunyai implikasi yang begitu besar kepada kesejahteraan rakyat. Dengan meruntuhkan ekonomi negara, mereka sedar Malaysia terpaksa meminta bantuan daripada institusi berpengaruh seperti Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan badan-badan lain. Pinjaman tidak diberi percuma tanpa mengenakan syarat yang begitu ketat yang akhirnya boleh mengheret negara ini ke lembah paling hina. Tetapi, percubaan mereka gagal kerana kerajaan sudah masak dengan percaturan mereka. Dengan kuasa ekonomi juga, kuasa asing cuba menimbulkan keadaan resah di kalangan rakyat. Di Indonesia, umpamanya, krisis ekonomi berikutan kejatuhan mata wang rupiah menjadi punca harga barangan melambung, yang akhirnya menimbulkan kemarahan rakyat hingga tercetus rusuhan yang sukar dibendung. Setelah pemimpin digulingkan, kuasa-kuasa ini terus memperalatkan rakyat supaya membuat pelbagai tuntutan baru dengan matlamat untuk menumbangkan seluruh sistem yang ada. Dengan munculnya sentimen perkauman dan keagamaan, akan menyebabkan keadaan bertambah buruk.

Tindakan mencetuskan rusuhan dicuba di negara ini menerusi gerakan reformasi. Mujur, pihak berkuasa berjaya menyekat percubaan mereka untuk melakukan keganasan. Rakyat mula yakin ada tangan-tangan ghaib yang cuba menyemarakkan permusuhan di negara ini. Ketika semangat gerakan reformasi kian reda, timbul pula "semangat baru" yang ditiup oleh Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore dan Setiausaha Negaranya, Madeleine Albright. Terbaru pedagang mata wang, George Soros pula membangkitkan isu yang hampir sama. Semua ini menunjukkan percubaan untuk mengeruhkan suasana politik dan ekonomi di negara ini, bagaikan dirancang. Seandainya rakyat terpengaruh dan menganggap pandangan orang asing itu betul, mereka mungkin bangun semula untuk menimbulkan kekecohan yang berterusan. Seboleh mungkin, kuasa asing mahu melihat rakyat melakukan keganasan dan saban hari berlaku huru-hara di sana-sini hingga keadaan tidak terkawal. Apabila keadaan itu berlaku, mereka akan mencampuri hal ehwal negara ini secara bebas.

Keadaan negara yang tidak stabil akan menyebabkan pelabur lari ke negara lain. Pelabur baru juga tidak akan berminat untuk menanam modal di negara ini. Semua ini akan menyebabkan keadaan ekonomi kian meruncing. Kita bersyukur kerana setakat ini rakyat tidak terperangkap dengan tipu-muslihat kuasa asing. Namun, percubaan demi percubaan pasti akan dilakukan dengan cara yang berbeza.

Benteng utama untuk mematahkan sebarang serangan kuasa asing ini ialah dengan meningkatkan kemajuan negara dari segala bidang. Seboleh mungkin, Malaysia seharusnya menjadi sebuah negara yang boleh berdikari dan tidak mengharapkan bantuan orang asing. Tidak perlu kita berhutang budi, jika budi yang ditabur mempunyai motif ada udang di sebalik batu. Satu formula untuk memajukan negara ini ialah dengan menggalakkan rakyat berusaha lebih gigih demi menyelamatkan maruah dan kebebasan negara. Sebagaimana dijelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, hanya dengan mengurangkan pergantungan kepada orang asing, negara mampu menghalang penjajahan semula oleh pihak tertentu yang mahu supaya negara tunduk kepada permintaan mereka. Sebaliknya, jika rakyat sendiri menjerat leher mereka dengan melakukan tindakan yang boleh memporak-perandakan kestabilan negara ini, mudahlah negara ini masuk ke dalam perangkap mereka.

(END)